

*UNTUK SIARAN SEGERA
8 JULAI 2023*

KENYATAAN MEDIA

SWM ENVIRONMENT KOMITED BERI PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN TANDAS AWAM DI NEGERI MELAKA

JASIN, 8 JULAI 2023 – Sebanyak 63 tandas awam di Melaka menerima perkhidmatan penyelenggaraan kerja-kerja pembersihan SWM Environment Sdn Bhd (SWM Environment) di dua kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) negeri Melaka iaitu Majlis Perbandaran Jasin (MPJ) dan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ).

Mohd Norlisam Bin Mohd Nordin, Pengurus Besar Korporat SWM Environment berkata, “SWM Environment sentiasa komited dalam memastikan semua tandas awam ini diselenggara dengan baik di dalam kawasan pentadbiran MPJ sejak Januari 2023 dan kawasan pentadbiran MPHTJ sejak April 2023. Malah, kami yakin dapat memberi perkhidmatan yang terbaik jika diberi tanggungjawab untuk menyelenggara tandas awam lain yang terletak di seluruh negeri Melaka.

Jasin menjadi daerah pertama di negeri Melaka yang melancarkan Program Tandas Bersih, Menawan dan Wangi (BMW) bagi menyahut saranan Kementerian Pembangunan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang berhasrat mewujudkan unit pemantauan kebersihan tandas awam yang melibatkan semua PBT di seluruh negara.

Pelancaran program disempurnakan oleh Yang Berhormat Timbalan Exco Jawatankuasa Pelaburan, Perindustrian dan Pembangunan TVET Negeri Melaka merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Rim, Datuk Khaidhirah Abu Zahar dan turut dihadiri Pengarah SWCorp Melaka, Tuan Khairuladha Ab Mutalib.

Turut berlangsung Kempen Kitar Semula KITAREcycle Jom Masuk Kampung di Perkarangan Stadium Jasin.

-TAMAT-



MENGENAI SWM ENVIRONMENT SDN. BHD.

SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) adalah syarikat konsesi yang menyediakan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan sejak tahun 1995, melalui perjanjian konsesi yang dikawal di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara (Akta 672).

Sebagai syarikat konsesi terbesar di Malaysia, SWM Environment, melalui tenaga kerja yang seramai 12,000 orang, berkhidmat kepada 27 pihak berkuasa tempatan, 1.5 juta premis kediaman dan komersial dengan lebih daripada 5.1 juta orang bagi liputan geografi 28,500 kilometer persegi. Untuk maklumat korporat yang lebih lanjut, sila layari laman web: www.swmenvironment.com.

Dalam usaha mengurangkan sisa janaan ke tapak pelupusan sampah, SWM Environment secara giat mempromosikan program-program alam sekitar yang berimpak tinggi seperti Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca (SAS), kitar semula dan pengkomposan sisa makanan demi meningkatkan kesedaran awam di kalangan masyarakat umum.

Pada 2018, SWM Environment telah memperkenalkan program kitar semula berganjarannya, KITAREcycle, di ketiga-tiga negeri selatan Semenanjung Malaysia. KITAREcycle menggalakkan orang ramai untuk mengitar semula dan menerima mata ganjaran untuk lebih daripada 25 jenis barangan kitar semula yang termasuk kertas, tin aluminium, plastik, sisa elektrik dan elektronik. Mata ganjaran yang terkumpul boleh ditebus secara tunai melalui perbankan dalam talian. Orang ramai boleh memuat turun aplikasi KITAREcycle melalui *Apple Store* dan *Google Play Store*. Sila layari laman web: www.kitarecycle.com untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Orang ramai yang mempunyai sebarang pertanyaan berhubung perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam boleh menghubungi Talian Indahkan Malaysia di 1-800-88-7472 atau Talian WhatsApp SWM Environment di 012-618 0082.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Puan Noor Che Wah Binti Ramli

Eksekutif Kanan

Jabatan Komunikasi Korporat & Hal Ehwal Kerajaan

SWM Environment Sdn. Bhd. (Pejabat Wilayah Melaka)

Tel : 06 – 3350191 / 012 – 385 1436

E-mel : wah.ramli@swmsb.com